

Tarikh : 03 Jun 2015

KENYATAAN SEBUTHARGA : NO SIRI 03/2015

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor yang berdaftar dengan PKK & CIDB dalam **Gred G1** serta telah mendaftar dalam **sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** yang beralamat di Daerah Seberang Perai Utara untuk kerja-kerja di **LAMPIRAN 'A'** yang mempunyai kategori dan pengkhususan berkaitan.
2. Kontraktor diwajibkan menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada **10 Jun 2015 jam 9.00 pagi** bermula di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara. Lawatan tapak bagi kerja ini hendaklah dihadiri sendiri oleh pemilik syarikat. Wakil termasuk pemegang saham juga adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat untuk sesi lawatan tapak.
3. Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja dan boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan di laman web <http://ep.penang.gov.my> melalui akaun masing-masing.
4. **Borang Sebutharga hendaklah disertakan bersama-sama perkara seperti di bawah :**
 - i. **Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera- Projek di Lampiran A**
 - ii. **Salinan resit e-Perolehan yang berkuatkuasa**
 - ii. **Surat Akuan Pembida**
5. **Sekiranya perkara tersebut tidak disertakan bersama-sama di dalam borang, maka borang tawaran akan ditolak.**
6. Sebutharga akan ditutup pada **17 Jun 2015 pada jam 12.00 tengahari**. Borang sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan diisi dengan No Sebutharga (ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul) dan Tajuk Sebutharga seterusnya dimasukkan ke dalam Peti Tawaran seperti alamat di bawah :

**Unit Pembangunan
Pejabat Daerah dan Tanah,
Seberang Perai Utara,
13200 Kepala Batas.**



(HAKMAL EFFENDI BIN ISHAK)
Ketua Penolong Pegawai Daerah (P)
b.p. Pegawai Daerah
Seberang Perai Utara

NO SIRI : 3/2015

TARIKH LAWATAN TAPAK : 10 Jun 2015

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 17 Jun 2015

BIL	NO. SEBUTHARGA	NO. PROJEK	NAMA PROJEK	PECAHAN KATEGORI/ PENGKHUSUSAN
1.	PDTSPU/P/13/2015	13/2015	MENAIKTARAF LONGKANG DI HADAPAN MASJID PENAGA	CE21
2.	PDTSPU/P/14/2015	14/2015	KERJA-KERJA MEMASANG LONGKANG KONKRIT DI KAMPUNG POKOK JENERIH, TASEK GELUGOR	CE21
3.	PDTSPU/P/15/2015	15/2015	MEMBINA LONGKANG DI KAMPUNG PERMATANG KERIANG, PENAGA	CE21
4.	PDTSPU/P/16/2015	16/2015	MEMBINA LONGKANG DI KAMPUNG LAHAR KEPAR, PENAGA	CE21
5	PDTSPU/P/17/2015	17/2015	MENYELENGGARA/MENAIKTARAF GELANGGANG FUTSAL SUNGAI DUA	B02
6	PDTSPU/P/18/2015	18/2015	MENYELENGGARA/MENAIKTARAF GELANGGANG FUTSAL GUAR TUAN SYED,PENAGA	CE21